

29.3.2023

Siaran Media  
Ir. PATHMANATHAN K.  
CEO, PBA HOLDINGS BHD DAN PBAPP.

## **PENJELASAN: TARIF BAHARU PULAU PINANG BAGI “PENGGUNAAN BUKAN DOMESTIK” TIDAK DIWARTAKAN OLEH PBAPP ATAU KERAJAAN NEGERI**

- **Tarif baharu untuk “penggunaan bukan domestik” di Pulau Pinang telah ditetapkan, diluluskan dan diwartakan di bawah peraturan Persekutuan oleh Kerajaan Persekutuan sebelum ini pada 29.7.2022.**
- **Kerajaan Persekutuan sebelum ini juga menetapkan, meluluskan dan mewartakan tarif baharu untuk 10 negeri lain dan WP Labuan pada 29.7.2022. Oleh itu, Pulau Pinang bukan satu-satunya negeri yang mengenakan tarif baharu untuk “penggunaan bukan domestik”.**

PULAU PINANG, Rabu, 29.3.2023: Terdapat kenyataan dan dakwaan yang mengelirukan yang disiarkan dalam media massa baru-baru ini berhubung pelaksanaan tarif baharu untuk “penggunaan bukan domestik” di Pulau Pinang.

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) ingin membuat penjelasan berhubung perkara itu bagi mengelak salah faham orang ramai. Berikut adalah fakta mengenai perkara ini:

1. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) ialah badan kawal selia perkhidmatan air negara.
2. Dalam surat rasmi bertarikh 14.7.2022, SPAN memaklumkan PBAPP bahawa Kerajaan Persekutuan (sebelum ini) telah memutuskan untuk melaksanakan semakan tarif air untuk “penggunaan bukan domestik dan penggunaan kategori khas” untuk semua negeri di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan.
3. Dalam surat lain bertarikh 29.7.2022, SPAN memaklumkan PBAPP bahawa peraturan Kerajaan Persekutuan bertajuk “Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (kadar bagi Perkhidmatan Bekalan Air) (Negeri Pulau Pinang) (Pindaan) 2022” telah diwartakan untuk pelaksanaan mulai 1.8.2022.

Sebagai bukti, SPAN telah menerbitkan peraturan penuh di laman webnya:  
<https://www.span.gov.my/document/upload/0hLwkvW9eR3qEstbV3VqE6k9btnlipR.pdf>



# PBA

Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

- SPAN juga telah menerbitkan peraturan (semua bertarikh 29.7.2022) yang menyatakan tarif baharu untuk “penggunaan bukan domestik” di Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Terengganu dan WP Labuan. Ini bermakna Kerajaan Persekutuan sebelum ini menaikkan tarif “penggunaan bukan domestik” untuk semua negeri di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan secara serentak tahun lalu.

Penerbitan di laman web SPAN:

<https://www.span.gov.my/article/view/peraturan>

- Tarif air domestik untuk Pulau Pinang dan semua negeri lain tidak mengalami perubahan dalam peraturan yang diterbitkan.
- Seperti dinyatakan oleh peraturan Persekutuan bagi semua negeri-negeri semenanjung yang diwartakan pada 29.7.2022, penggunaan air oleh sekolah-sekolah (di Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Terengganu dan WP Labuan) dikategorikan sebagai “penggunaan bukan domestik”.
- PBAPP hanya dimaklumkan secara rasmi mengenai tarif yang disemak untuk “penggunaan bukan domestik” di Pulau Pinang dan pengkategorian penggunaan air oleh sekolah sebagai “penggunaan bukan domestik” selepas pewartaan peraturan Persekutuan.
- Sebagai operator bekalan air yang memberi perkhidmatan di Pulau Pinang di bawah lesen yang dikeluarkan oleh SPAN, PBAPP bertanggungjawab untuk mematuhi peraturan Persekutuan. Kegagalan untuk mematuhi boleh membawa kepada isu pembaharuan lesen.
- Tarif yang disemak untuk “penggunaan air bukan domestik” di Pulau Pinang sepatutnya dilaksanakan mulai 1.8.2022. Bagaimanapun, PBAPP hanya memulakan pengebilan untuk “penggunaan air bukan domestik” di Pulau Pinang di bawah peraturan baharu bermula 1.1.2023.

Fakta-fakta ini mencerminkan kebenaran mengenai perkara berkenaan:

- PBAPP dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak menetapkan, meluluskan atau mewartakan tarif baharu untuk “penggunaan bukan domestik” di Pulau Pinang. Kerajaan Persekutuan sebelum ini melaksanakannya pada 22.7.2022.
- PBAPP dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak mengkategorikan penggunaan air di sekolah sebagai “penggunaan bukan domestik”. Kerajaan Persekutuan sebelum ini melakukannya pada 22.7.2022.
- Kerajaan Persekutuan sebelum ini menyemak semula tarif untuk “penggunaan

Penjelasan: Tarif Baharu Pulau Pinang bagi “Penggunaan Bukan Domestik” Tidak Diwartakan oleh PBAPP atau Kerajaan Negeri | Page 2 of 3



# PBA

Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

*Meeting all your water supply needs*

bukan domestik” untuk 11 negeri dan WP Labuan, dan bukan sahaja untuk Pulau Pinang.

- Seperti pentakrifan yang jelas oleh tajuknya, “peraturan Persekutuan” hanya boleh dipinda oleh Kerajaan Persekutuan.

Oleh yang demikian, semua komen, kritikan dan aduan mengenai “Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (kadar Perkhidmatan Bekalan Air) (Negeri Pulau Pinang) (Pindaan) 2022” hendaklah diajukan kepada SPAN.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Corporate Communications Unit  
Email : syarifah@pba.com.my